

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(GOMBAK)**

**TARIKH : 27 OKT 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN:**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah Kerajaan bersedia untuk meneliti semula kadar pencen warga pesara tentera.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang DiPertua,

Berkuat kuasa mulai 1 Januari 2013, Kerajaan telah memberi kenaikan pencen kepada pesara ATM sebanyak dua peratus setiap tahun manakala mulai 1 Julai 2016, Kerajaan turut menaikkan kadar pencen dengan menetapkan pencen minimum pada kadar RM950. Pemberian ini adalah satu usaha kerajaan untuk menentukan pencen yang diterima sejajar dengan kos sara hidup semasa.